

31/10/2002

Isu henti bantuan mungkin dipolitikkan

JELI, Rabu - Kerajaan tidak menolak kemungkinan ada pihak mempolitikkan isu pemberhentian sementara bantuan perkapita semua sekolah agama rakyat (SAR).

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata pihak terbabit mungkin menyebarkan tohmahan kononnya kerajaan antiperkembangan sekolah agama.

Beliau berkata, perkara seumpama itu sentiasa berlaku apabila sesuatu isu baru ditimbulkan.

"Bagaimanapun, mereka tidak memahami mengapa kerajaan mengambil keputusan untuk membekukan sementara bantuan itu.

"Kita tidak mengambil tindakan secara terburu-buru tanpa asas," katanya selepas perjumpaan bersama guru Sekolah Kebangsaan Kubur Datu, dekat sini, semalam.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata, keputusan menghentikan sementara bantuan perkapita kepada semua SAR berikutan ada pelajar diajar membenci pemimpin.

Mustapa berkata, mengajak pelajar membenci kerajaan bermakna mengajar mereka membenci sistem dan menentang undang-undang.

Katanya, perbuatan itu tidak boleh dibiarkan kerana kesan terhadap agama, bangsa dan negara amat besar.